

DALAM NEGERI

Kurangkan risiko kenaikan harga daging import

Bekalan lembu, kambing keperluan korban ditingkat

Oleh SITI NURAZLINA
JAMALUDIN
utusan kedah@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 19 OGOS

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani akan memaksimumkan bekalan lembu dan kambing tempatan bagi memenuhi keperluan umat Islam sempena perayaan Aidiladha bulan depan.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, langkah itu sebagai usaha untuk mengurangkan risiko kenaikan harga lembu dan kambing import disebabkan kadar pertukaran mata wang yang tidak menentu pada masa ini.

“Masalah bekalan tidak perlu dibimbangkan kerana kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa memastikannya mencukupi untuk kegunaan harian mahupun pada musim perayaan,” katanya selepas Majlis Pemimpin Bersama Rakyat Parlimen Kuala Kedah di sini hari ini.

Menurutnya, kementerian juga pada masa sama akan memastikan penternak lembu dan kambing tempatan mampu memaksimumkan pengeluaran mereka bagi mengurangkan import.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 10 petani menerima geran jentera dan peralatan kecil seperti mesin rumput dan pam air bagi memudahkan golongan tersebut mengusahakan tanaman padi.

Penduduk Kampung Benua di sini turut menerima kemudahan lintasan ladang yang kos pembinaannya berjumlah RM128,303.

Menurut Tajuddin, pihaknya bagaimanapun bersedia meningkatkan jumlah lembu dan kambing import sekiranya bekalan



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN mencuba jentera pertanian sambil diperhatikan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Fuzi Ali (dua dari kanan) dalam majlis Pemimpin Bersama Rakyat Parlimen Kuala Kedah di Kampung Benua, Alor Setar, semalam. - UTUSAN/SAFRIZAL AZMI

haiwan ternakan tempatan masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan musim perayaan ini.

“Untuk memastikan tiada masalah dalam menyediakan bekalan, kita bersedia meningkatkan jumlah import kepada 70 hingga 80 peratus berbanding 60 peratus pada masa ini. Bagaimanapun selepas musim perayaan, kita akan turunkan semula kadar itu,” ujarnya.



Masalah bekalan tidak perlu dibimbangkan kerana kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa memastikannya mencukupi untuk kegunaan harian mahupun pada musim perayaan.”

TAJUDDIN ABDUL RAHMAN
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani